

MENGUNGKAP POLEMIK ISTILAH HASAN DI SISI AL-TIRMIZI: KAJIAN KRITIS TERHADAP PERSPEKTIF TOKOH KONTEMPORARI

UNVEILING THE POLEMIC OF THE TERM HASAN ACCORDING TO AL-TIRMIDHI: A CRITICAL STUDY OF CONTEMPORARY SCHOLARS' PERSPECTIVES

Ali Abdul Jalil ¹
Dzulfaidhi Hakimie Dzulraidi ^{2*}

¹ Fakulti Al-Quran Dan Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, Mukim Padang Siding, 02600 Arau, Perlis, Malaysia

² Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu Sabah, Malaysia

*Corresponding author: dzuldzulraidi@gmail.com

Article history

Received date : 18-9-2025

Revised date : 19-9-2025

Accepted date : 22-10-2025

Published date : 7-11-2025

To cite this document:

Abdul Jalil, A., & Dzulraidi, D. H. (2025).
Mengungkap polemik istilah hasan di sisi al-Tirmizi:
Kajian kritis terhadap perspektif tokoh kontemporari.
*Journal of Islamic, Social, Economics and
Development (JISED)*, 10 (77), 853 – 864.

Abstrak: Polemik berkenaan istilah hasan di sisi al-Tirmizi merupakan salah satu isu penting dalam bidang mustalah al-hadith yang terus menjadi perdebatan dalam kalangan sarjana hadith moden. Walaupun istilah ini telah dihuraikan secara meluas oleh ulama klasik, kajian semasa menunjukkan bahawa tafsiran terhadap maksud sebenar hasan di sisi al-Tirmizi masih berbeza-beza dalam kalangan tokoh kontemporari. Jurang perbezaan ini timbul kerana wujudnya keraguan terhadap maksud sebenar istilah tersebut dalam karya al-Tirmizi serta kecenderungan sarjana semasa untuk menyesuaikan dengan kerangka mustalah moden. Justeru, kajian ini dijalankan untuk menghimpunkan dan menganalisis pandangan tokoh-tokoh kontemporari seperti Hatim al-Awni, Solahuddin al-Idlbi, Syuaib al-Arnaut, Mahmud al-Tahhan dan lain-lain bagi menilai pola tafsiran serta titik temu antara pendekatan tradisional dan reformulasi moden. Hasil kajian mendapati majoriti pandangan kontemporari cenderung melihat istilah hasan di sisi al-Tirmizi sebagai hadith daif ringan yang ditampung oleh jalur periwayatan lain, bertepatan dengan konsep hasan li ghayrih, namun terdapat juga yang mendekatkannya dengan hasan li zātih atau sahih. Sehubungan itu, kajian ini menegaskan keperluan mewujudkan satu kerangka harmonisasi yang seimbang antara keaslian metodologi mutaqqaddimin dengan keperluan kejelasan takrifan dalam takhrij hadith moden, selain membuka ruang untuk kajian lanjutan yang lebih mendalam dan aplikatif.

Kata Kunci: hasan; al-Tirmizi; mustalah al-hadith; hasan li ghayrih; hasan li zātih

Abstract: The polemic surrounding the term hasan according to al-Tirmidhi remains one of the key issues within the discipline of mustalah al-hadith and continues to be a subject of debate among modern hadith scholars. Although this term has been extensively discussed by classical scholars, recent studies indicate that interpretations of its true meaning according to al-

Tirmidhi still vary among contemporary scholars. This divergence stems from uncertainty about al-Tirmidhi's actual intent when using the term and the tendency of modern scholars to adapt it within the framework of contemporary mustalah. Therefore, this study was conducted to compile and critically analyse the views of contemporary scholars such as Hatim al-Awni, Solahuddin al-Idlbi, Syuaib al-Arnaut, Mahmud al-Tahhan and others, in order to identify patterns of interpretation and common ground between traditional approaches and modern reformulations. The findings reveal that the majority of contemporary scholars tend to view hasan according to al-Tirmidhi as referring to weak narrations that are supported by other corroborative chains, aligning with the concept of hasan li ghayrih, although some position it closer to hasan li zātih or even sahih. Accordingly, this study underscores the need to develop a harmonised framework that balances the authenticity of the mutaqaddimin's methodology with the clarity required in modern takhrij practice, while also highlighting the potential for further in-depth and practical research on its application.

Keywords: *hasan; al-Tirmizī; mustalah al-hadīth; hasan li ghayrih; hasan li zātih*

Latar Belakang Kajian

Perbahasan mengenai istilah *hasan* di sisi al-Tirmizī merupakan salah satu aspek penting dalam disiplin mustalah al-hadith, sejak zaman awal pembukuan ilmu hadith sehingga ke era kontemporari (Syed Ghazali, 2024). Istilah ini mula diperkenalkan secara lebih tersusun oleh ulama mutaqaddimīn seperti al-Tirmizī dan kemudiannya diolah dalam pelbagai karya mustalah hadith klasik (Kamarul Azmi, 2015). Definisi yang diberikan, walaupun kelihatan hampir seragam pada zahirnya, sebenarnya menyembunyikan pelbagai perbezaan halus yang berkaitan dengan syarat, tahap keadilan dan dabt perawi, serta hubungan *hasan* di sisi al-Tirmizī dengan hadith sahih dan hadith dhaif. Dalam wacana semasa, polemik ini semakin jelas apabila sarjana kontemporari mula mengkaji semula keaslian dan ketepatan definisi klasik terhadap istilah *hasan* di sisi al-Tirmizī dalam konteks keperluan analisis hadith moden.

Walaupun terdapat banyak kajian yang membahaskan istilah *hasan* di sisi al-Tirmizī dalam kerangka klasik, kebanyakan kajian terdahulu masih menumpukan kepada penghuraian pandangan ulama silam seperti al-Tirmizī, Ibn Hajar, dan al-Suyūfī. Sementara itu, pandangan dan reformulasi definisi oleh tokoh-tokoh kontemporari seperti Hatim al-Awni, Muhammad Awwamah, Syuaib al-Arnaut dan lain-lain, belum dihipunkan secara sistematik untuk dianalisis perbandingannya. Ketiadaan analisis kritikal terhadap perbezaan pendekatan mereka ini menyebabkan ruang polemik istilah *hasan* di sisi al-Tirmizī dalam dunia akademik kontemporari masih kabur dan tidak berkembang ke arah penyelesaian yang lebih holistik dan integratif.

Sehubungan itu, kajian ini tampil untuk menangani kekosongan tersebut dengan membawa tiga keperluan utama:

1. Ketiadaan kajian bersepadu yang menghimpunkan dan membandingkan pandangan tokoh-tokoh kontemporari mengenai istilah *hasan* di sisi al-Tirmizī.
2. Ketiadaan analisis kritikal terhadap pendekatan berbeza antara tokoh moden dalam memahami dan mendefinisikan *hasan* di sisi al-Tirmizī, sama ada berpaut pada tradisi mutaqaddimīn atau melakukan penyesuaian metodologi.
3. Keperluan membina kefahaman semasa yang mampu mengharmonikan antara ketulenan pendekatan klasik dan keperluan kejelasan dalam kerangka kajian hadith moden.

Selaras dengan itu, kajian ini bertujuan untuk:

1. Menghimpunkan pandangan-pandangan tokoh kontemporari tentang definisi dan konsep *hasan* di sisi al-Tirmizī.
2. Menganalisis perbezaan dan kecenderungan pendekatan dalam kalangan tokoh-tokoh tersebut.
3. Menilai secara kritikal relevansi definisi-definisi ini dalam konteks pengkajian dan penilaian hadith moden.

Secara keseluruhannya, kajian ini berusaha membuktikan bahawa pemahaman istilah *hasan* di sisi al-Tirmizī dalam dunia kontemporari tidak boleh hanya bergantung kepada kerangka klasik semata-mata, sebaliknya memerlukan satu pendekatan kritikal yang menggabungkan keaslian metodologi mutaqqaddimin dengan kejelasan epistemologi semasa. Kajian ini diharapkan dapat membuka ruang kepada pengembangan kerangka baru dalam memahami istilah *hasan* di sisi al-Tirmizī, yang lebih berdaya saing dalam analisis hadith moden.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif kerana ia paling sesuai untuk memahami dimensi makna, kerangka pemikiran, serta dinamika perkembangan istilah *hasan* di sisi al-Tirmizī dalam perdebatan kontemporari (Ahmad Sunawari Long, 2015; Idris, 2018; Jamil & Noh, 2020). Pendekatan ini membolehkan penyelidik menyelami secara mendalam pandangan tokoh-tokoh moden terhadap istilah ini, serta menganalisis secara kritis kecenderungan dan perbezaan pendekatan mereka dalam memahami konsep *hasan* di sisi al-Tirmizī dalam tradisi hadith.

Metode dokumentasi digunakan sebagai teknik utama pengumpulan data. Sumber primer kajian terdiri daripada karya-karya utama tokoh kontemporari yang membahas istilah *hasan* di sisi al-Tirmizī, seperti *Manhaj al-Naqd* oleh Hatim al-Awni, syarah dan komentar hadith oleh Muhammad Awwamah, serta takhrij dan analisis hadith oleh Syuaib al-Arnaut. Di samping itu, sumber klasik seperti karya al-Tirmizī, Ibn Hajar dan al-Sakhawi turut dirujuk untuk mendapatkan latar banding terhadap pandangan mutaqqaddimin mengenai istilah ini.

Sumber sekunder kajian terdiri daripada artikel jurnal, tesis akademik, dan buku kontemporari yang membincangkan mustalah al-hadith, sejarah perkembangan istilah hadith, serta kajian-kajian kritikal terhadap metodologi pengklasifikasian hadith. Bahan-bahan ini diperoleh melalui perpustakaan fizikal, koleksi ilmiah peribadi, serta pangkalan data digital seperti *Scopus*, *JSTOR*, dan *Google Scholar*.

Untuk tujuan analisis, kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan secara tematik. Pandangan-pandangan tokoh yang dikumpulkan dianalisis dan dikategorikan mengikut tema-tema utama seperti definisi asas istilah *hasan* di sisi al-Tirmizī, syarat-syarat perawi, hubungan antara *hasan* di sisi al-Tirmizī dan *sahih*, serta kecenderungan reformulasi istilah. Setiap tema ini dikaji secara mendalam untuk mengenal pasti punca perbezaan, kekuatan, dan kelemahan pendekatan yang diambil oleh tokoh-tokoh kontemporari.

Kajian ini akhirnya bertujuan untuk merumuskan penilaian kritikal terhadap perdebatan istilah *hasan* di sisi al-Tirmizī, serta mencadangkan pendekatan yang lebih harmonis untuk diaplikasikan dalam bidang pengajian hadith kontemporari.

Dapatan dan Perbincangan

Konsep Asas Ilmu Mustalah al-Hadīth

Ulūm al-Hadīth secara umumnya terbahagi kepada tiga cabang ilmu utama, iaitu *Riwāyat al-Hadīth*, *Dirāyat Sanad al-Hadīth*, dan *Dirāyat Matn al-Hadīth* (Bayanuni & Abdul Manas, 2022). Cabang *Dirāyat Sanad al-Hadīth* memberi fokus kepada kajian keadaan perawi dan sanad hadith bagi menentukan sama ada sesuatu hadith boleh diterima atau ditolak (Dzulfaidhi Dzulraidi, 2024). Bagi mencapai tujuan tersebut, beberapa subjek perlu dipelajari secara berperingkat, antaranya *Mustalah al-Hadīth*, *al-Jarh wa al-Ta'dīl*, *Dirāsah al-Asānid*, dan *'Ilal al-Hadīth*. Rujuk jadual di bawah:

Jadual 1: Kerangka Konseptual '*Ulūm al-Hadīth*

Riwāyah	Dirāyah Sanadiyyah	Dirāyah Matniyyah
Praktis periwayatan hadith melalui tiga konsep utama pengajian. 1. Majlis sama' 2. Majlis ta'liq 3. Majlis talaqqi	Perbahasan di sisi al-Tirmizī berkenaan teknikal sanad. 1. Mustalah al-Hadīth 2. Al-Jarh wa al-Ta'dīl 3. Dirāsah al-Asānid 4. 'Ilal al-Hadīth	Perbahasan di sisi al-Tirmizī berkenaan teknikal matan. 1. Ilmu Syarh al-Hadīth 2. Ilmu Sabab Wurūd al-Hadīth 3. Ilmu Mukhtalif al-Hadīth 4. Ilmu al-Nāsikh wa al-Mansūkh fī al-Hadīth 5. Ilmu Gharīb al-Hadīth

Ilmu *Mustalah al-Hadīth* secara khusus merupakan ilmu alat yang mengumpulkan istilah-istilah teknikal yang digunakan oleh para *muhaddithīn* dalam perbincangan hadith mereka. Ia menjadi medium penting untuk menapis dan menyaring maklumat dalam pengajian hadith, selain membantu para pelajar memahami bahasa khusus yang digunakan oleh ahli hadith (Syed Hassan et al., 2021). Dalam tradisi keilmuan, *Mustalah al-Hadith* juga dikenali dengan istilah lain seperti *Usūl al-Hadīth* dan *Ulūm al-Hadīth* (Mohd Sobali et al., 2011).

Penggunaan istilah khusus ini lahir daripada keperluan mendesak untuk menyeragamkan kefahaman antara para ulama, menjimatkan masa dalam perbincangan, dan memudahkan penyampaian maklumat dalam bidang riwayat hadith (Adnan Ali, 2015). Faktor ini menjadi asas kepada pembinaan terminologi yang tersusun dalam *Mustalah al-Hadīth*, yang akhirnya menjadi kerangka rujukan utama dalam analisis hadith.

Dalam perbincangan ilmu ini, istilah-istilah *Mustalah al-Hadīth* boleh diklasifikasikan kepada beberapa kumpulan berdasarkan fungsi dan rujukannya antaranya:

1. Istilah yang merujuk kepada sandaran hadith
Seperti *marfū'* (disandarkan kepada Nabi SAW), *mawqūf* (disandarkan kepada sahabat), dan *maqṭū'* (disandarkan kepada tabi'in).
2. Istilah yang merujuk kepada keterputusan sanad
Seperti *mursal* (sanad terputus pada tabi'in), *mu'allaq* (sanad digugurkan dari awal), *munqati'* (sanad terputus secara umum), dan *mu'dal* (terputus dua perawi berturut-turut).
3. Istilah yang merujuk kepada status penerimaan atau penolakan hadith
Seperti sahih, hasan, dhaif dan *mawdū'*.

Dan banyak lagi klasifikasi istilah *hadith* untuk disenaraikan (Dzulraidi, 2024). Pengklasifikasian ini mencerminkan keluasan dan ketelitian bidang *Mustalah al-Hadīth* dalam memastikan keaslian riwayat *hadith* dapat dipastikan melalui disiplin istilah yang ketat.

Dalam konteks ini, istilah *hasan* menjadi salah satu istilah penting yang merujuk kepada *hadith* yang diterima tetapi pada darjat yang lebih rendah daripada *hadith* sahih. Namun, istilah *hasan* ini sendiri telah menjadi subjek perdebatan panjang dalam kalangan ulama, baik klasik mahupun kontemporari. Ia bukan sahaja melibatkan isu definisi dan syarat-syarat penerimaan, bahkan berkait rapat dengan metodologi penilaian sanad dan matan *hadith*.

Sehubungan itu, bagi memahami dengan lebih jelas perkembangan dan dinamika perbincangan istilah ini, adalah penting untuk menelusuri sejarah polemik istilah *hasan* di sisi al-Tirmizī, yang akan diperincikan dalam subtopik berikut.

Sejarah Polemik Istilah *Hasan* di sisi al-Tirmizī

Hadith hasan merupakan salah satu istilah penting dalam ilmu *Mustalah al-Hadīth* yang berkait rapat dengan tahap penerimaan sesuatu *hadith* dalam kerangka keilmuan Islam (‘Alawi, 2008). Secara asasnya, karya-karya *Mustalah al-Hadīth* mendefinisikan *hadith hasan* sebagai *hadith* yang memenuhi semua syarat *hadith* sahih kecuali pada aspek ketelitian (*dabt*) perawi, di mana perawinya memiliki ketelitian yang sedikit lebih rendah berbanding perawi *hadith* sahih (Al-‘Asqalānī, 2000). Dengan itu, *hadith hasan* tetap tergolong dalam kategori *hadith maqbul* yang boleh dijadikan hujah dalam hukum dan akidah.

Walaupun bagaimanapun, pendekatan ulama *hadith mutaqaddimīn* terhadap istilah *hasan* memperlihatkan perbezaan yang jelas berbanding kefahaman ulama *mutaakhirīn*. Secara umumnya, ulama *mutaqaddimīn* tidak membahagikan *hadith* kepada kategori sahih dan *hasan* secara berasingan. Sebaliknya, mereka hanya mengklasifikasikan *hadith* kepada dua kategori utama iaitu sahih dan daif. Dengan itu, *hadith* yang memenuhi syarat penerimaan termasuk apa yang kemudian hari dikenali sebagai *hasan* tetap digolongkan sebagai sahih tanpa memerlukan pecahan istilah tambahan (al-Asqalani 1989; al-Iraqi 1969; Iwadullah 2010).

Selain itu, para ulama *mutaqaddimīn* juga tidak sepakat dalam penggunaan istilah *hasan* sebagai kategori kedua bagi *hadith* yang diterima selain sahih. Sebagai contoh, tokoh seperti Ibn Hibbān dan Ibn Khuzaimah tetap menamakan *hadith* yang kini dianggap *hasan* sebagai sahih kerana mereka berpandangan bahawa istilah sahih merujuk kepada sebarang *hadith* yang diterima walaupun perawinya kurang sempurna dari sudut *dabt* (al-Asqalani 1984). Dalam masa yang sama, tokoh lain seperti Abū Dāwud pula menamakan *hadith* dalam kategori yang serupa dengan istilah *ṣāliḥ* (Abū Dāwud, 2008). Justeru dapat disimpulkan bahawa pembahagian istilah *hasan* sebagai satu kategori teknikal yang tersendiri merupakan hasil perkembangan dalam kalangan ulama *mutaakhirīn*, sedangkan pendekatan *mutaqaddimīn* lebih bersifat umum tanpa terikat dengan pembahagian yang terlalu terperinci.

Pengenalan istilah *hasan* sebagai satu istilah teknikal sering dikaitkan dengan usaha al-Tirmizī melalui karya beliau *al-Jāmi‘* (Ibn Taimiyyah, 1995). Walaupun al-Tirmizī sering dianggap sebagai tokoh pertama yang memperkenalkan istilah *hasan* secara formal dalam penulisan ilmiah, hakikatnya penggunaan istilah ini telah wujud lebih awal. Ibn al-Ṣalāh menjelaskan bahawa istilah *hasan* bukanlah diperkenalkan oleh al-Tirmizī semata-mata, sebaliknya telah digunakan oleh guru-guru beliau serta tokoh-tokoh sebelumnya seperti Ahmad bin Hanbal dan al-Bukhārī (Ibn al-Ṣalāh, 2008). Malah, Ibn Hajar al-Asqalānī turut menyatakan bahawa

penggunaan istilah ini bermula lebih awal daripada mereka dengan merujuk kepada generasi terdahulu dalam sejarah periwayatan hadith (al-Asqalānī, 1989).

Menurut catatan al-Durays (1995), istilah *hasan* telahpun digunakan sejak penghujung kurun pertama Hijrah oleh para sarjana tābi‘in seperti Abdullah bin Syaddad yang wafat sekitar tahun 81 atau 83 Hijrah, Urwah bin al-Zubayr yang wafat pada tahun 94 Hijrah, dan Ibrahim al-Nakhā‘ī yang wafat pada tahun 96 Hijrah. Perkara ini menunjukkan bahawa penggunaan istilah *hasan* dalam wacana hadith sebenarnya telah berakar sejak zaman awal Islam meskipun belum mempunyai definisi teknikal yang seragam sebagaimana yang dikembangkan dalam tradisi mutaakhirin. Menariknya, al-Tirmizī sendiri mendefinisikan istilah *hasan* dalam kitabnya dengan penjelasan yang lebih khusus.

Menurut beliau, apabila beliau menilai sesuatu hadith sebagai *hasan*, ia membawa maksud bahawa sanad hadith tersebut tidak mengandungi perawi yang dituduh berdusta, tiada unsur syuzūz, serta diriwayatkan melalui jalur lain yang menguatkan periwayatan tersebut (al-Tirmizī 1998). Walaupun demikian, penggunaan istilah *hasan* oleh al-Tirmizī tidaklah sepenuhnya sepadan dengan pembahagian moden seperti *hasan li zātih* dan *hasan li ghayrih* yang kemudiannya diasaskan oleh ulama *mutaakhirin*.

Perlu difahami bahawa antara punca utama polemik berkenaan istilah *hasan* ialah kekaburan dalam memahami maksud sebenar penggunaan istilah ini oleh al-Tirmizī. Sarjana kontemporari seperti Syarif Hatim al-Awnī (2007) mengakui bahawa sehingga kini maksud sebenar istilah *hasan* menurut perspektif al-Tirmizī masih tidak dapat dipastikan secara meyakinkan. Pelbagai interpretasi telah dikemukakan dalam usaha menafsirkan istilah ini. Ada yang mengaitkannya dengan konsep *hasan li zātih*, ada yang memadankannya dengan *hasan li ghayrih*, dan tidak kurang juga yang melihat istilah ini sebagai satu kategori khas yang tidak boleh dibandingkan secara langsung dengan pembahagian moden (Mahmud al-Tahhan 2011; Iwadullah 2009; Nur al-Din Itr 2014).

Tambahan pula, penggunaan lafaz *hasan sahih* dalam *Jāmi’ al-Tirmizī* turut mencetuskan kekeliruan dalam kalangan ahli hadith. Sebahagian ulama menafsirkan istilah ini sebagai isyarat kepada perbezaan status perawi dalam sanad, manakala sebahagian yang lain menolak tafsiran ini dengan mengemukakan hujah yang lebih kritikal berdasarkan ketelitian dan kemampuan al-Tirmizī sebagai seorang imam hadith (Ibn al-Ṣalāh, 2008).


Melihat kepada perkembangan ini, dapat dirumuskan bahawa polemik berkenaan istilah hadith *hasan* berpunca daripada beberapa faktor utama iaitu perbezaan metodologi antara *mutaqaddimīn* dan *mutaakhirīn* dalam meletakkan istilah khusus tingkatan-tingkatan hadith, kekaburan dalam penggunaan istilah oleh al-Tirmizī yang sukar dipastikan secara tepat, begitu juga definisi al-Tirmizī yang terlalu umum serta percanggahan klasifikasi istilah oleh sarjana kemudian yang berusaha untuk mensistematikkan konsep hadith *hasan* namun dalam masa sama memperluaskan jurang tafsiran antara era klasik dan kontemporari. Polemik yang wujud ini akhirnya membuka ruang kepada para sarjana kontemporari untuk melakukan analisis semula terhadap istilah *hasan*. Mereka menampilkan pelbagai pendekatan dalam mentakrifkan dan mengaplikasikan istilah ini agar lebih sesuai dengan realiti dan keperluan pengkajian hadith moden. Oleh itu, bagi memahami dengan lebih jelas perbezaan pendekatan ini, kajian akan seterusnya menganalisis pandangan tokoh-tokoh kontemporari terhadap istilah hadith *hasan* yang berpunca daripada pandangan al-Tirmizī tersebut.

Analisis Pandangan Tokoh Kontemporari

Kajian seterusnya membincangkan mengenai pandangan-pandangan tokoh kontemporari berkenaan istilah *hasan* di sisi al-Tirmizī dalam karya mereka. Dalam wacana kajian hadith moden, istilah *mu'āṣarah* atau "kontemporari" telah menjadi satu istilah teknikal yang merujuk kepada suatu tempoh masa yang khusus. Umar Muhammad Noor (2018) memetik pandangan Muhammad 'Abd al-Razzāq Aswad yang menyatakan bahawa penentuan had masa yang tepat bagi istilah *mu'āṣarah* atau "kontemporari" sering dipengaruhi oleh unsur-unsur subjektif, sehingga melahirkan pelbagai definisi yang berbeza mengikut kecenderungan dan perspektif setiap pengkaji. Setelah meneliti enam definisi yang dikemukakan oleh para pengkaji terdahulu, Aswad menyimpulkan bahawa istilah *mu'āṣarah* merujuk kepada tempoh yang bermula dari awal suku kedua abad ke-14 Hijrah hingga ke hari ini, bersamaan dengan awal abad ke-20 hingga awal abad ke-21 Masihi. Tempoh ini menurut beliau merupakan fasa penting dalam sejarah pemikiran Islam, yang menyaksikan kemunculan pelbagai polarisasi aliran pemikiran, sejajar dengan keruntuhan kekhalifahan Turki Uthmaniyyah (Aswad, 2015).

Oleh itu, dalam konteks kajian ini, istilah semasa atau kontemporari merujuk kepada lingkungan masa seperti yang dijelaskan oleh Aswad. Muntasir Zaman (2025) telah merumuskan bahawa era *mu'āṣirūn* atau sarjana kontemporari bermula sekitar tahun 1850 Masihi dan berterusan hingga kini, menandakan satu fasa penting dalam kebangkitan semula kajian hadith. Era ini dicirikan oleh kemajuan teknologi, kebangkitan gerakan tajdid, dan kemunculan pelbagai pendekatan dalam penilaian hadith, sama ada dalam bentuk kritikan balas terhadap kajian Barat atau pembinaan kerangka metodologi tersendiri oleh sarjana Islam. Beliau turut menekankan bahawa pelbagai sub-tradisi hadith yang wujud pada masa ini mencerminkan kepelbagaian mazhab pemikiran yang sihat dan berkembang. Tambahan pula, perkembangan teknologi moden seperti pangkalan data digital dan kecerdasan buatan telah membuka dimensi baru dalam pengajian hadith. Pada pandangan beliau, kesinambungan tradisi hadith selama empat belas abad terus hidup melalui usaha menjadikan Sunnah relevan dalam pelbagai isu semasa, termasuk dalam bidang akidah, sains dan etika. Rujuk rajah di bawah:

Periodization of Hadith Scholarship



Rajah 2: Era Zaman Para Ulama Hadith

Rujukan: (Muntasir Zaman, 2025)

Berdasarkan justifikasi tersebut, kajian ini hanya memilih pandangan tokoh-tokoh bermula dari tahun 1882 Masihi. Semua pandangan disusun mengikut urutan tahun secara kronologi menaik bagi memastikan perbincangan berkembang secara sistematik dan tersusun. Memandangkan kajian ini tidak menumpukan kepada aspek aliran kritik hadith secara khusus, maka pandangan tokoh-tokoh dihimpunkan tanpa mengambil kira kecenderungan aliran masing-masing. Kajian ini juga hanya menghimpunkan pandangan tokoh-tokoh terpilih berdasarkan sumber dan maklumat yang dapat dicapai. Oleh itu, ketidakhadiran pandangan tokoh tertentu tidak bermaksud pandangan mereka diabaikan, sebaliknya menunjukkan bahawa maklumat berkaitan tidak berada dalam capaian kajian pada ketika ini. Kajian menghimpunkan rumusan pandangan tokoh-tokoh terlebih dahulu sebelum membahaskannya satu persatu. Berikut adalah rumusan pandangan tokoh-tokoh kontemporari mengenai istilah *hasan* di sisi al-Tirmizī :

Jadual 3: Rumusan Pandangan Ulama Hadith Kontemporari Mengenai Istilah Hasan al-Tirmizī

No	Tokoh	Tahun	Rujukan	Pandangan
1.	Solāhuddin al-Idlbi	2013	<i>Mutanazzah al-Anzār fī Syarh Muntakhab al-Afkār</i>	Hasan di sisi al-Tirmizī merupakan hadith yang diriwayatkan dengan masalah yang dapat ditampung seperti terputus sanad, perawi kurang dhabit dan berbilang sanadnya dengan syarat tidak mempunyai syāz dan ‘illah. Sekiranya tidak berbilang sanad ia masih boleh dihukum <i>hasan</i> di sisi al-Tirmizī selagi mempunyai persamaan daripada sudut lafaz dan makna dengan hadith sahih yang lain
2.	Abd al-Majīd al-Ghaurī	2005	<i>Al-Madkhal ilā Dirāsah Jāmi’ al-Tirmizī</i>	Hasan di sisi al-Tirmizī merupakan hadith yang diriwayatkan oleh perawi bermasalah daripada sudut dhabit walaupun teruk.
3.	Al-Albānī	1995	<i>Silsilah al-Ahādīth al-Dha’īfah</i>	Hasan di sisi al-Tirmizī merujuk kepada hadith yang mempunyai kedhaifan dan boleh ditampung.
4.	Ahmad Ma’bad		<i>Video Facebook</i>	Hasan di sisi al-Tirmizī merujuk kepada hadith dhaif ringan yang mempunyai sokongan hadith dhaif ringan yang lain. Sesuai definisi <i>hasan</i> di sisi al-Tirmizī lighairihi.
5.	Abdullah al-Sa’ad	2018	<i>Al-Mufasssal fī Syarh al-Mūqizah</i>	Hasan di sisi al-Tirmizī merujuk kepada hadith yang mempunyai kedhaifan, ‘illah atau percanggahan pada sanadnya.
6.	Mahmūd al-Tahān	2011	<i>Taysīr Mustalah al-Hadīth</i>	Hasan di sisi al-Tirmizī merupakan hadith yang diriwayatkan oleh perawi adil kurang sempurna dābit. Sesuai definisi <i>hasan lizātihi</i>
7.	Nūr al-Dīn ‘Itr	2014	<i>Al-Imām al-Tirmidhī, Muwāzanah</i>	Hasan di sisi al-Tirmizī bermaksud hadith dhaif ringan yang mempunyai

			<i>Bayna Jāmi'ih Wa Bayna al-Sahīhayn</i>	sokongan hadith dhaif ringan yang lain. Sesuai definisi <i>hasan lighairihi</i> .
8.	'Umar <i>hasan</i> Fallātah	2005	<i>Al-Hadith al-hasan Mutlaqan wa Muqayyadan 'inda al-Imam al-Tirmizi</i>	Hasan di sisi al-Tirmizī di sisi al-Tirmizī merujuk kepada sifat bagi hadith yang berlaku tafarrud.
9.	Tāriq Iwadallah	2009	<i>Iṣlāḥ al-Iṣtilāḥ Naqd Kitāb Taysīr Muṣṭalaḥ al-Hadith Li al-Duktūr Maḥmūd al-Taḥḥān</i>	Hasan di sisi al-Tirmizī bermaksud hadith dhaif ringan yang mempunyai sokongan hadith dhaif ringan yang lain. Sesuai definisi <i>hasan lighairihi</i> .
10.	Syarīf Hātim al-'Awnī		<i>Syarh al-Mūqizah</i>	Hasan di sisi al-Tirmizī merujuk kepada hadith sahih.
11.	Rif'at Fauzī		<i>Manāhij al-Muhaddithīn</i>	Hadith <i>hasan</i> merujuk kepada hadith yang diterima namun tidak sama dengan kategori hadith sahih.

Berdasarkan sorotan pandangan tokoh-tokoh kontemporari, dapat diperhatikan bahawa definisi istilah *hasan* di sisi al-Tirmizī masih menjadi perbahasan terbuka yang melahirkan pelbagai tafsiran. Sebahagian sarjana seperti Solahuddin al-Idlbi (2013) menjelaskan bahawa hadith *hasan* menurut al-Tirmizī merangkumi riwayat yang terdapat masalah ringan seperti sanad terputus atau perawi yang kurang mantap dari sudut *dabt*, namun kelemahan ini dapat ditampung melalui sokongan riwayat lain dengan syarat tiada unsur *syāz* atau *'illah*. Pandangan ini hampir seiring dengan pendapat al-Albani (1995), Ahmad Ma'bad, Nūr al-Dīn 'Itr (2014) dan Tāriq Iwadallah (2009) yang melihat istilah ini bertepatan dengan konsep *hasan li ghayrihi*, iaitu hadith daif ringan yang disokong oleh riwayat lain yang senada.

Walau bagaimanapun, terdapat juga tokoh seperti Mahmud al-Taḥḥān (2011) yang menafsirkan istilah *hasan* di sisi al-Tirmizī lebih mendekati konsep *hasan li zātihi*, iaitu hadith yang diriwayatkan oleh perawi yang adil tetapi kurang sempurna dalam aspek ingatan atau *dhabṭ*. Sementara itu, Syarif Hatim al-'Awni pula mengetengahkan pandangan berbeza apabila beliau berpendapat bahawa istilah *hasan* menurut al-Tirmizī sebenarnya membawa maksud hadith sahih, menunjukkan wujudnya lapisan tafsiran yang lebih kompleks. Dalam konteks lain, tokoh seperti Umar Hasan Fallatah (2005) pula memfokuskan bahawa istilah ini juga merujuk kepada hadith yang berlaku *tafarrud*, manakala Rif'at Fauzi menyatakan bahawa hadith *hasan* hanyalah merujuk kepada hadith yang diterima meskipun tidak mencapai darjat sahih sepenuhnya.

Himpunan pandangan ini menunjukkan bahawa perbezaan asas dalam mentafsir istilah *hasan* di sisi al-Tirmizī berpunca daripada dua faktor utama, iaitu kejelasan teks penilaian al-Tirmizī sendiri yang kadangkala berlapis makna dan usaha para sarjana kemudian untuk menyesuaikan

penafsiran tersebut dengan kerangka *mustalah* moden. Keadaan ini turut menguatkan dapatan bahawa terdapat rentang yang luas antara pendekatan mutaqqaddimin yang tidak terikat dengan pengkategorian teknikal yang terlalu rigid dan pendekatan mutaakhirin yang berusaha untuk menstrukturkan istilah secara sistematik.

Justeru, dapat dirumuskan bahawa kepelbagaian interpretasi ini membuka ruang kepada pengkaji hadith untuk terus mendalami maksud sebenar istilah *hasan* menurut perspektif al-Tirmizi. Analisis yang mendalam terhadap teks dan konteks penilaian beliau perlu dilakukan agar pemahaman terhadap istilah ini dapat disesuaikan dengan realiti pengajian hadith semasa tanpa mengabaikan kerangka metodologi klasik yang menjadi asas disiplin ini.

Cadangan Harmonisasi Istilah Hasan di sisi al-Tirmizī

Melihat kepada pelbagai tafsiran tokoh kontemporari, cadangan untuk mengharmonikan penggunaan istilah *hasan* di sisi al-Tirmizī wajar bertitik tolak daripada kecenderungan majoriti sarjana yang bersepakat bahawa istilah tersebut merujuk kepada hadith yang berada di antara darjat sahih dan daif tetapi masih boleh diterima kerana kelemahannya dapat ditampung. Pendekatan ini dapat dilihat dalam pandangan tokoh seperti Ṣolāhuddin al-Idlbi, al-Albani, Nūr al-Dīn ‘Itr, Ahmad Ma‘bad dan Tariq Iwadullah yang menekankan bahawa penilaian *hasan* oleh al-Tirmizī seringkali merujuk kepada hadith daif ringan yang mendapat sokongan riwayat lain. Ini menepati konsep *hasan li ghayrih* dalam kerangka *mustalah* moden.

Bagi meminimumkan kekeliruan, penafsiran ini boleh diselaraskan dengan penekanan bahawa istilah *hasan* di sisi al-Tirmizī tidak tertakluk kepada satu definisi kaku, sebaliknya bersifat anjal bergantung kepada konteks sanad, kekuatan sokongan riwayat lain serta ketiadaan unsur *syāz* dan *‘illah* yang serius. Pengkaji juga perlu mengiktiraf bahawa terdapat keadaan di mana al-Tirmizī menggunakan istilah *hasan* sahih, menandakan ruang fleksibiliti dalam penilaian beliau yang tidak boleh dipadankan secara mutlak dengan istilah *hasan* dalam pengertian teknikal mutaakhirin.

Cadangan harmonisasi ini memerlukan agar penilaian hadith *hasan* di sisi al-Tirmizī diinterpretasi secara bertahap. Hadith yang memenuhi ciri perawi adil dengan kelemahan kecil dari sudut ingatan boleh dikategorikan sebagai hampir kepada *hasan li zātih*, manakala hadith dengan perawi lebih lemah tetapi disokong jalur lain wajar diletakkan di bawah *hasan li ghayrih*. Langkah ini membolehkan para pengkaji menghargai nuansa manhaj al-Tirmizī tanpa menafikan sumbangan sistematik kerangka mutaakhirin.

Pendekatan harmonisasi sebegini bukan sahaja dapat memelihara keaslian penilaian ulama mutaqqaddimin tetapi juga membantu memperkukuh disiplin *mustalah* hadith moden dengan kefahaman yang lebih seimbang. Justeru, perbincangan mengenai istilah *hasan* di sisi al-Tirmizī perlu terus disokong dengan penelitian teks asal beliau, perbandingan dengan penilaian ulama sezaman serta penyesuaian dengan keperluan kritikan hadith pada era semasa.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa polemik berkenaan istilah *hasan* di sisi al-Tirmizī tidak pernah terhenti sejak era *mutaqqaddimīn* sehingga ke era kontemporari. Analisis mendalam terhadap pandangan tokoh-tokoh semasa menunjukkan bahawa perbezaan tafsiran terhadap istilah ini berpunca daripada sifat takrifan al-Tirmizi sendiri yang bersifat anjal serta usaha para sarjana mutaakhirin untuk menstrukturkannya mengikut keperluan kritik hadith moden. Walaupun terdapat pelbagai kecenderungan, majoriti tokoh kontemporari cenderung

melihat istilah *hasan* di sisi al-Tirmizi sebagai hadith daif ringan yang masih dapat diterima kerana ditampung oleh jalur periwayatan lain, bertepatan dengan konsep *hasan li ghayrih*. Namun demikian, terdapat juga pandangan yang menafsirkan istilah ini dalam lingkungan *hasan li dhatih* atau bahkan mendekatkannya dengan darjat sahih. Hal ini menunjukkan bahawa wujud keperluan mendesak untuk merumuskan pendekatan harmonisasi yang dapat menjembatani keaslian metodologi mutaqqaddimin dengan kejelasan kerangka mustalah al-hadith kontemporari. Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan agar penafsiran istilah *hasan* di sisi al-Tirmizi terus dikaji secara kritikal melalui penelitian teks asal dan sokongan data takhrij yang lebih menyeluruh supaya konsep ini dapat difahami dengan lebih tepat dan diaplikasikan secara berkesan dalam konteks pengajian hadith semasa.

Rujukan

- Abū 'Isā al-Tirmizī, Muhammad Bin 'Isā Bin Sawrah. (1998). *Al-Jāmi' al-Kabīr*. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī. 6/254.
- Abū Dāwud. (2008). *Risālah Abī Dāwud li Ahl Makkah*. Kaherah: Maktabah al-Syu'ūn al-Fanniyah.
- Ahmad 'Ali 'Ali Hajar al-'Asqalani. (1984). *al-Nukat 'ala Kitab Ibn Salah* (tahkik Dr. Rabi' Hadi 'Umar). Madinah: al-Jami'ah al-Islamiyah.
- Ahmad Sunawari Long. (2015). *Metodologi penyelidikan pengajian Islam*. Penerbit UKM Press.
- Al-'Asqalānī, Aḥmad Bin 'Alī Bin Hajar. (2000). *Nuzhah al-Nazar Fī Tawḍīḥ Nukhbah al-Fikar*. Damsyiq: Maṭba'ah al-Ṣabbāḥ. 65.
- Al-'Asqalānī. Ahmad Bin 'Ali Bin Hajar. (1989). *Al-As'ilah al-Fā'iqah Bi al-Ajwibah al-Fā'iqah*. Mumbai: al-Dār al-Salafiyyah. 64.
- Al-Amīr al-Ṣan'ānī, Muhammad Bin Ismā'īl Bin Ṣalāḥ. (2006). *Isbāl al-Maṭar 'Alā Qaṣb al-Sukar*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm. 237.
- Al-Durays, Khalid bin Mansur (20005), *Al-Hadith al-hasan di sisi al-Tirmizī li Dhatih wa li Ghayrih*, c. 1, Riyadh: Dar Adwa' al-Salaf, h. 44-4
- Dzulraidi, D. (2024). *Al-Qawaid al-Asasiyah fi Ilmi Mustalah al-Hadith: Terjemahan dan nota ringkas*. Beyt Atiq Enterprise.
- Ḥāfiẓ Muhammad Ḥammād. (2020). *Al-Ḥadīth al-Ḥasan 'Inda al-Mutaqqaddimīn Wa al-Muta'akhhirīn*. Jihāt Ul Islām. 13(2), 231.
- Ibn Rajab al-Ḥanbalī, 'Abd al-Raḥmān Bin Ahmad. (1987). *Syarḥ 'Ilal al-Tirmidhī*. Jordan: Maktabah al-Manār. 2/606.
- Ibn Taymiyyah al-Ḥarrānī, Aḥmad Bin 'Abd al-Ḥalīm. (1995). *Majmū' al-Fatāwā*. Madinah: Majma' al-Malik Fahd Li Ṭibā'ah al-Muṣḥaf al-Syarīf. 18/23.
- Al-Dhahabī, Syams al-Dīn, Muḥammad Bin Aḥmad Bin 'Uthmān. (1991). *Al-Mūqizah Fī 'Ilm Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Aleppo: Maktabah al-Maṭbu'āt al-Islāmiyyah. 27.
- Idris, M. A., Mohd, M. H., & Ismail, I. (2018). *Metodologi penyelidikan sains sosial*. UM Press.
- Jamil, M. R. M., & Noh, N. R. M. (2020). *Kepelbagaian metodologi dalam penyelidikan reka bentuk dan pembangunan*. Qaisar Prestige Resources.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2016). *Hadis Hasan Sahih*. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Edisi Pertama ed., pp. 38-39). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES). ISBN: 978-967-0194-66-0.
- Maḥmūd al-Ṭaḥḥān. (2011). *Taysīr Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif. 57
- Mohd Sobali, A., Alias, N., Mohamed Nor, Z. & Azmi, A. S. (2011). *Metodologi pengajian ulum alhadith: Antara keperluan penghafalan matan (mustalah al-hadith) dengan pengajaran secara moden*. Dlm. Fauzi Deraman, Ishak Suliaman & Faisal Shah Ahmad

- (pnyt.). Sunnah Nabi: Realiti dan cabaran, hlm. 331-340. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran & al-Hadith Universiti Malaya. Jurnal Al-Quran Dan Al-Hadith: Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiyah: Realiti Dan Cabaran Semasa (MUSNAD) 01.
- Muhammad Bin 'Alawi. (2003). Al-Qawā'id al-Asāsiyah fī Ilm Muṣṭalah al-Hadīth. Kaherah: Dār al-Hāwī.
- Mullā 'Alī al-Qārī, 'Alī Bin Sulṭān Muhammad. (t.t.). Syarḥ Nukhbah al-Fikar Fī Muṣṭalah Ahl al-Athar. Beirut: Dār al-Arqam. 293.
- Nūr al-Dīn 'Itr. (2014). Al-Imām al-Tirmidhī, Muwāzanah Bayna Jāmi'ih Wa Bayna al-Ṣaḥīḥayn. Kaherah: Dār al-Baṣā'ir. 220.
- Syed Ghazali Wafa Syed Nordin Wafa. (2024). Hadith Hasan dan istilah-istilah gabungan: Satu perbahasan. *Journal Kulliyah Syariah dan Undang-Undang*, 15(2).
- Syed Hassan, S. N., Mohd Amin, M. Z., Tawil, S. F. & Abdul Wahid, F. (2021). Model interaktif dalam pengajaran dan pembelajaran hadis era pandemik Covid-19. *Jurnal al-Sirat*, 2(19), 16-23.
- Ṭāriq Bin 'Iwaḍhallah Bin Muḥammad. (1998). Al-Irsyādāh Fī Taqwīyyah al-Aḥādīth Bi al-Syawāhid wa al-Mutāba'āt. Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah. 165.
- Ṭāriq Bin 'Iwaḍhallah Bin Muḥammad. (2009). Iṣlāḥ al-Iṣṭilāḥ Naqd Kitāb Taysīr Muṣṭalah al-Hadīth Li al-Duktūr Maḥmūd al-Ṭaḥḥān. Giza: Maktabah al-Taw'iyyah al-Islāmiyyah. 145-147
- Ṭāriq Bin 'Iwaḍhallah Bin Muḥammad. (2010). Syarḥ Nuzhah al-Nazar Fī Tawḍīḥ Nukhbah al-Fikar. Kaherah: Dār al-Ma'thūr. 105.
- Ṭāriq Bin 'Iwaḍhallah: (' Ibn al-Ṣalāḥ. (2008). 'Ulūm al-Ḥadīth Tahqīq Ṭāriq Bin 'Iwaḍhallah. Kaherah: Dār 'Affān. 1/472
- Zayn al-Dīn Al-'Irāqī, 'Abd al-Raḥīm Bin al-Ḥusayn Bin 'Abd al-Raḥmān. (1969). Al-Taḥyīd Wa al-Idāḥ Syarḥ Muqaddimah Ibn al-Ṣalāḥ. Madinah: Al-Maktabah al-Salafiyyah. 53.